‘ “perkongsian liabiliti terhad” ertiya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].’.

Pindaan seksyen 13

57. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Seseorang yang melupuskan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dan dikehendaki untuk membuat penyata di bawah seksyen ini boleh mengemukakan kepada Ketua Pengarah

bersama-sama dengan penyata itu suatu pemberitahuan dalam borang yang ditetapkan bahawa pelupusan itu tidak tertakluk kepada cukai atau dikecualikan daripada pembayaran cukai di bawah Akta ini.

(7) Bagi maksud seksyen 21B, pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (6) hendaklah diserahkan kepada pemeroleh dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh pelupusan.”.

Pindaan seksyen 14

58. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Jika menurut seksyen 21B, pemeroleh yang gagal untuk memegang dan meremitkan amaun yang dikehendaki di bawah seksyen itu, dan kegagalan adalah disebabkan oleh suatu pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang dikemukakan kepadanya di bawah seksyen 13, maka hendaklah dimasukkan ke dalam taksiran itu yang dibuat berkenaan dengan orang yang mengemukakan pemberitahuan itu, suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus cukai yang kena dibayar oleh orang itu.”.

Pindaan seksyen 15

59. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “enam” dengan perkataan “lima”;
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “enam” dengan perkataan “lima”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Jika menurut seksyen 21B dan tertakluk kepada subseksyen 14(5), pemeroleh yang gagal untuk memegang dan meremitkan amaun yang dikehendaki di bawah seksyen itu, dan kegagalan adalah disebabkan oleh pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang dikemukakan kepadanya di bawah seksyen 13, maka

hendaklah dimasukkan ke dalam taksiran itu yang dibuat berkenaan dengan orang yang mengemukakan pemberitahuan itu, suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus cukai yang kena dibayar oleh orang itu.”.

Pindaan seksyen 19

- 60.** Subseksyen 19(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam” dengan perkataan “lima”.

Pindaan seksyen 21B

- 61.** Seksyen 21B Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Seksyen ini tidak terpakai jika suatu notis tidak dikenakan cukai di bawah seksyen 13 diserahkan kepada pemeroleh dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan.”.

Pindaan seksyen 24

- 62.** Subseksyen 24(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam” dengan perkataan “lima”.

Pindaan Jadual 1

- 63.** Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan 5(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Walau apa pun yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, mana-mana orang yang merupakan seorang pengarah suatu syarikat semasa tempoh yang cukai atau hutang adalah bertanggungan untuk dibayar oleh syarikat itu hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi cukai atau hutang yang genap masa dan kena dibayar dan hendaklah didapatkan di bawah seksyen 23 daripada pengarah itu.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan 5(3) subperenggan yang berikut:

“(4) Bagi maksud subperenggan (1A), “pengarah” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) memegang jawatan pengarah (dengan apa-apa nama tersebut), termasuklah mana-mana orang yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan syarikat itu; dan
- (b) merupakan, sama ada dengan sendirinya atau dengan seorang atau lebih sekutu, tuan punya bagi, atau mampu secara langsung atau melalui perantaraan syarikat lain atau dengan cara tidak langsung lain mengawal, lebih daripada lima puluh peratus modal saham biasa bagi syarikat itu.

(5) Dalam subperenggan ini, “sekutu” ertinya, berhubung dengan seseorang—

- (a) yang dalam mana-mana hubungan yang berikut dengan orang itu, iaitu, suami atau isteri, ibubapa atau leluhur jauh, anak atau zuriat jauh, adik beradik lelaki, adik beradik perempuan dan pasangan;
- (b) pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah bagi suatu penyelesaian yang mana hubungan kepada orang itu adalah, atau mana-mana saudara seumpamanya (hidup atau mati) seperti yang disebut dalam perenggan (a) takrif ini telah atau merupakan, seorang penyelesai;
- (c) jika orang itu berkepentingan dalam mana-mana syer atau tanggungan bagi suatu syarikat yang tertakluk kepada mana-mana amanah atau bahagian harta pusaka si mati, mana-mana orang berkepentingan yang lain di dalamnya.”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

“5A. (1) Pegawai pematuhan yang dilantik di kalangan rakan kongsi bagi perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada pegawai pematuhan seperti itu dilantik, oleh mana-mana rakan kongsi, hendaklah secara bersama dan berasingan boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai yang kena dibayar oleh perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta ini.

(2) Subperenggan 5(2) dan (3) hendaklah terpakai dengan ubah suaian dan penyesuaian sebagaimana perlu di bawah perenggan ini.

(3) Dalam perenggan ini, “pegawai pematuhan” hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 75B(2) Akta Cukai Pendapatan 1967.”.

Pindaan Jadual 4

64. Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan menggantikan perkataan “yang bukannya atau telah menjadi sebahagian daripada aset yang lebih besar yang boleh dikenakan cukai pada masa pelupusan itu:” dengan perkataan “atau jika aset yang boleh dikenakan cukai itu secara sebahagian dilupuskan, amaun yang akan dibenarkan berkenaan dengan pelupusan itu hendaklah ditentukan menurut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah bahagian aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan;

B ialah jumlah aset yang boleh dikenakan cukai;

C ialah sepuluh ribu atau sepuluh peratus keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang mana lebih tinggi.”; dan

(b) dengan memotong proviso.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”) dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 untuk memasukkan takrif baru “business trust” ke dalam Akta 53 dan memasukkan ke dalam takrif “company” amanah perniagaan. Dengan pindaan ini, layanan cukai bagi amanah perniagaan di bawah Akta adalah sama seperti syarikat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 [Akta A1437].

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk meminda takrif “Central Bank” berbangkit daripada penggubalan Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701].

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan takrif baru “limited liability partnership” ke dalam Akta 53 sebagai suatu perkongsian liabiliti terhad berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan memperluas takrif “person” kepada “limited liability partnership”. Dengan pindaan, suatu perkongsian liabiliti terhad akan diberi layanan sebagai suatu entiti yang boleh dikenakan cukai.

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk meminda takrif “partnership” bagi memperuntukkan bahawa suatu perkongsian liabiliti terhad bukanlah suatu perkongsian di bawah Akta.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan takrif baru “treasury shares” ke dalam Akta 53. Pindaan ini berbangkit daripada pindaan Akta yang memberi potongan khas kepada suatu syarikat jika syer pembendaharaan ditawarkan kepada pekerjanya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen 2(9) Akta 53 untuk menghalang amanah perniagaan menikmati manfaat tidak memfailkan anggaran cukai dan membuat bayaran ansuran menurut subseksyen 107C(4A), kadar cukai khas di bawah Jadual 1 dan elauan khas bagi aset bernilai rendah di bawah Jadual 3 Akta.

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 2(11) ke dalam Akta 53 berbangkit daripada penyediaan layanan cukai yang sama bagi amanah perniagaan dan syarikat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4B ke dalam Akta 53 bagi memperjelas bahawa pendapatan faedah tidak boleh dikenakan cukai sebagai perolehan atau keuntungan daripada perniagaan di bawah perenggan 4(a) Akta melainkan faedah itu diperoleh daripada sumber yang

menjadi sebahagian daripada stok dagangan perniagaan seseorang atau faedah itu diterima daripada perniagaan pinjaman wang dan perniagaan itu dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 6(1)(l) ke dalam 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai dikenakan pada kadar yang dinyatakan di bawah Bahagian XVI Jadual 1 Akta ke atas pendapatan seseorang individu yang mengeluarkan sumbangan yang dibuat olehnya ke dalam skim persaraan swasta sebelum mencapai umur lima puluh lima atas sebab selain kematian atau meninggalkan Malaysia secara kekal.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 8(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa status pemastautin perkongsian liabiliti terhad di Malaysia ditentukan berdasarkan pentadbiran dan kawalan perniagaan atau hal ehwal yang dijalankan oleh rakan kongsinya di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Fasal 7 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa status pemastautin sesuatu amanah perniagaan adalah berdasarkan status pemastautin sesuatu pengurus amanah. Pengurus amanah adalah bermastautin di Malaysia jika ia menjalankan perniagaan amanah perniagaan di Malaysia dan pentadbiran dan kawalan perniagaannya dijalankan di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seksyen itu tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 21A Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa tempoh asas suatu perkongsian liabiliti terhad adalah sama seperti tempoh asas bagi suatu syarikat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(5) Akta 53 untuk memperjelas bahawa faedah berhubung dengan pinjaman boleh dicukai sebagai pendapatan daripada perniagaan jika pinjaman itu diberikan dalam menjalankan perniagaan pinjaman wang yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 25(3), subperenggan 25(4)(a)(i), perenggan 25(4)(b) dan (c), dan subseksyen 25(5) Akta 53 untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan taksiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun dalam kes di mana Ketua Pengarah membuat penemuan bahawa pendapatan seseorang itu berkaitan dengan tempoh yang melebihi lima tahun kebelakangan. Pendapatan itu akan dianggap telah terakru sama rata dalam tempoh empat tahun itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 27(2)(b) dan (c) dan subseksyen 27(3) Akta 53 untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan taksiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun sekiranya Ketua Pengarah menemui pendapatan daripada faedah, diskau, sewa atau royalti atau apa-apa pencen, anuiti atau apa-apa bayaran berkala yang mana perenggan 4(e) Akta terpakai, berkaitan dengan suatu tempoh melebihi lima tahun kebelakangan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34D ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu potongan khas bagi kos yang dilakukan oleh syarikat untuk memperoleh syer perpendaharaan yang akan ditawarkan kepada pekerjanya. Potongan ini hendaklah dibenarkan kepada syarikat dalam tahun taksiran di mana pekerja itu melaksanakan haknya untuk memperoleh syer perpendaharaan itu.

Fasal 13 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah kos memperoleh syer perpendaharaan oleh syarikat selepas tolakan amaun yang kena dibayar oleh pekerjanya bagi syer perpendaharaan itu yang ditentukan atas dasar *first-in first-out*.

Fasal 13 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan sekiranya amaun yang kena dibayar oleh pekerja melebihi kos memperoleh syer perpendaharaan oleh syarikat, amaun lebihan hendaklah dikreditkan ke dalam suatu akaun yang disimpan oleh syarikat yang akan digunakan untuk mengurangkan kos syer perpendaharaan yang berikutnya yang akan dipindahkan oleh syarikat kepada pekerjanya.

Fasal 13 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika suatu syarikat induk memindahkan syer perpendaharaan kepada seorang pekerja syarikat subsidiari, potongan akan dibenarkan kepada syarikat subsidiari dan bukan syarikat induk.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan perenggan 39(1)(n) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa saraan yang dibayar kepada rakan kongsi oleh perkongsian liabiliti terhad tidak layak mendapat potongan jika ia tidak diperuntukkan di dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad yang dibuat menurut seksyen 9 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 44(5E) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa syarikat atau perkongsian yang bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad dibenarkan untuk membawa ke hadapan kerugian perniagaan yang tidak boleh diserap untuk digunakan bagi mengurangkan pendapatan masa hadapan perkongsian liabiliti terhad itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda perenggan 44A(9)(a) Akta 53 untuk mengurangkan tempoh bagi membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dari enam tahun ke lima tahun dalam kes di mana Ketua Pengarah membuat penemuan bahawa seseorang itu telah membuat tuntutan kerugian yang tidak betul daripada syarikat berkaitannya.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

14. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) Akta 53 untuk meningkatkan potongan peribadi bagi individu daripada tiga ribu ringgit kepada enam ribu ringgit berkenaan dengan amaun yang didepositkan oleh individu itu bagi anaknya ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran dikurangkan dengan mana-mana pengeluaran yang dibuat oleh individu itu daripada akaun itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

15. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda perenggan 48(3)(a) Akta 53. Pindaan ini memperuntukkan kenaikan bagi penolakan daripada empat ribu ringgit kepada enam ribu ringgit bagi seseorang individu yang mempunyai anak yang belum berkahwin berumur lapan belas tahun ke atas dan kenaikan tambahan potongan daripada empat ribu ringgit kepada enam ribu ringgit kepada individu yang mempunyai anak kurang upaya. Pindaan terpakai bagi individu itu jika anak itu meneruskan pengajian di mana-mana institusi pendidikan yang diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan atau berkhidmat di bawah artikel atau indentur dengan tujuan untuk kelayakan dalam perniagaan atau profesion.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60AA(15A) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, kerugian larasan daripada perniagaan dana keluarga suatu pengendali takaful bagi suatu tahun taksiran tidak boleh dipotong daripada agregat pendapatan statutori daripada punca selain dana keluarga bagi tahun taksiran yang berkaitan dan apa-apa kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap daripada punca selain perniagaan dana keluarga bagi tahun taksiran yang berkaitan tidak boleh dipotong daripada pendapatan statutori dana keluarga pengendali takaful itu bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 60G(6) Akta 53 dalam takrif “foreign fund management company” berbangkit daripada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 60I(4) Akta 53 untuk memperluas takrif “Islamic securities” kepada mana-mana sekuriti yang mematuhi prinsip Syariah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda perenggan 65A(a) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa jumlah yang dipindahkan atau dibayar kepada Dana Amanah Pembangunan Koperasi oleh suatu koperasi dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah dibenarkan potongan bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

20. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75B ke dalam Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa seseorang pegawai pematuhan yang dilantik daripada kalangan rakan kongsi perkongsian liabiliti terhad hendaklah bertanggungjawab bagi melakukan semua tindakan dan perkara yang dikehendaki di bawah Akta bagi pihak perkongsian liabiliti terhad itu. Jika tiada pegawai pematuhan dilantik, maka tanggungjawab hendaklah terletak kepada mana-mana rakan kongsi perkongsian liabiliti terhad itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Fasal 23 selanjutnya bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkenaan tanggungjawab suatu pengurus amanah untuk melakukan semua tindakan dan perkara yang dikehendaki di bawah Akta bagi pihak suatu amanah perniagaan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012.

21. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 77 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seksyen itu tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

22. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 77A Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa suatu perkongsian liabiliti terhad dikehendaki untuk mengemukakan penyata bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh tujuh bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunannya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

23. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 91 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan bagi suatu tahun taksiran dikurangkan dari enam tahun kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu melainkan dalam kes penipuan, sengaja mungkir atau kecuaian.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

24. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda perenggan 103(12)(a) Akta 53 bagi memperuntukkan tarikh genap masa bagi pembayaran cukai oleh suatu perkongsian liabiliti terhad.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

25. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda subseksyen 107B(1) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seksyen ini tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

26. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 107C Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa perkongsian liabiliti terhad dikehendaki mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar dan membuat pembayaran secara ansuran bagi setiap tahun taksiran.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

27. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 109G ke dalam Akta 53 bagi menghendaki seseorang untuk memotong dan membayar suatu amaun kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu bulan selepas membayar amaun itu kepada seseorang individu berhubung dengan pengeluaran sumbangan oleh individu itu sebelum mencapai umur lima puluh lima. Jika seseorang gagal untuk membayar kepada Ketua Pengarah sebelum tarikh akhir, dia dikehendaki untuk membayar amaun yang dinaikkan yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada amaun yang dia gagal untuk membayar.

Fasal 30 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 109H ke dalam Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa seorang pembayar bertanggungan untuk membuat pembayaran berkenaan dengan suatu amaun di bawah seksyen 109, 109B atau 109F boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh amaun itu genap masa perlu dilakukan oleh pembayar itu di atas sebab bahawa amaun itu tidak kena dibayar di bawah Akta ini.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

28. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 111(2) Akta 53 bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang itu memohon bagi suatu pembayaran balik jumlah cukai yang terlebih dibayar dari enam kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran yang berkaitan dengan pembayaran balik itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

29. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda subseksyen 131(1) Akta 53 bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang itu memohon bagi relif untuk kesalahan atau kesilapan yang berlaku di dalam penyata atau pernyataan bagi suatu tahun taksiran dari enam kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

30. *Subfasal 33(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian 1 Jadual 1 Akta 53 untuk memperuntukkan jadual baru kadar cukai yang terpakai kepada individu.

Subfasal 33(b) selanjutnya bertujuan untuk meminda subperenggan 2(e) Bahagian 1 Jadual 1 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai suatu perkongsian liabiliti terhad adalah dua puluh lima peratus melainkan di mana jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau berupa barang) bagi perkongsian liabiliti terhad itu tidak melebihi dua juta ratus ribu ringgit.

Subfasal 33(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 2D, 2E dan 2F Bahagian 1 Jadual 1 Akta 53 bagi memperuntukkan kadar cukai keutamaan yang terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau berupa barang) tidak melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran. Walau bagaimanapun, kadar cukai keutamaan tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad yang mengawal atau dikawal oleh syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Subfasal 33(d) selanjutnya bertujuan untuk meminda Bahagian IV Jadual 1 Akta 53 untuk memperuntukkan jadual kadar cukai baru yang terpakai kepada koperasi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Subfasal 33(e) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru XVI Jadual 1 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai pendapatan dikenakan pada kadar 8 peratus ke atas sumbangan yang dikeluarkan oleh seseorang individu daripada skim persaraan swasta sebelum individu tersebut mencapai umur lima puluh lima.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

31. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda subperenggan 15(a) Jadual 2 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) Akta 53 berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam tempoh masa yang dikurangkan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

32. *Subfasal 35(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 27 Jadual 3 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) Akta 53 berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa yang dikurangkan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Subfasal 35(c) bertujuan untuk meminda perenggan 38 Jadual 3 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa pelupusan aset oleh suatu perkongsian liabiliti terhad adalah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 Akta jika rakan kongsi mempunyai lebih daripada lima puluh peratus sumbangan modal sama ada dalam bentuk tunai atau berupa barang di dalam perkongsian liabiliti terhad itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Subfasal 35(c) selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pelupusan suatu aset oleh amanah perniagaan hendaklah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 Akta jika seseorang mempunyai hak yang tidak kurang daripada lima puluh peratus keuntungan baki amanah perniagaan boleh diagihkan, atau tidak kurang daripada lima puluh peratus apa-apa aset baki amanah perniagaan boleh diagihkan semasa penggulungan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012.

Subfasal 35(d) selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 38A Jadual 3 Akta 53 bagi memperjelas bahawa pelupusan oleh syarikat kepada unit amanah adalah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 Akta jika syarikat itu memegang lebih daripada lima puluh peratus daripada keuntungan baki atau aset unit amanah yang boleh diagihkan selepas penggulungan.

Subfasal 35(e) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 61A Jadual 3 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa aset yang baginya perbelanjaan modal telah dilakukan disifatkan telah dilupuskan bagi maksud perenggan 48 dan 61 Akta 53 jika aset itu dipegang untuk jualan menurut prinsip perakaunan yang diterima umum. Nilai perolehan ditentukan mengikut harga pasaran pada masa aset itu dipegang untuk jualan atau pada akhir tempoh asas di mana aset itu dipegang untuk jualan atau pada akhir tempoh asas yang seterusnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 35(f) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 75AA ke dalam Jadual 3 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat atau suatu perkongsian yang bertukar menjadi suatu perkongsian liabiliti terhad dibenarkan membawa kerugian elau modal yang tidak dapat diserap untuk digunakan terhadap pendapatan masa hadapan perkongsian liabiliti terhad itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

33. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda subperenggan 15(b) Jadual 4 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) Akta 53 berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa dikurangkan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

34. *Subfasal 37(a)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 12c ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa keuntungan yang dibayar, dikredit atau diagihkan kepada rakan kongsi perkongsian liabiliti terhad adalah dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Subfasal 37(b) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 20A ke dalam Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa pendapatan suatu penanggung insurans atau pengendali takaful berkenaan dengan pelaburan daripada dana hayat atau dana keluarga di dalam skim anuiti tertangguh yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

35. *Subfasal 38(a), (b), (c), (d), (e), (g), (h) dan (i)* bertujuan untuk meminda Jadual 7A Akta 53 berbangkit daripada pemotongan subperenggan 8(b) dan (d) Akta 53 berhubung dengan takrif projek yang layak yang dijalankan oleh suatu syarikat yang mengambil bahagian dalam pelarasan industri yang diluluskan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan dalam mengubah perniagaan menternak ayam dan itik daripada sistem reban terbuka kepada reban tertutup.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

36. *Subfasal 38(f)* bertujuan untuk meminda perenggan 6 Jadual 7A Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) Akta 53 berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa yang dikurangkan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

PELBAGAI

Bahagian II Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

37. *Fasal 40* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana kerugian yang tidak dapat diserap bagi seseorang untuk tahun taksiran 2012 berkenaan dengan faedah daripada punca perniagaan akan dibawa ke hadapan dan hendaklah digunakan terhadap agregat pendapatan statutori orang itu daripada apa-apa punca perniagaan yang lain dalam tahun taksiran 2013. Begitu juga, apa-apa elaun modal yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2012 berkenaan dengan faedah daripada punca perniagaan, akan diberi kepada orang itu dan mengurangkan pendapatan statutori daripada apa-apa punca perniagaan bagi tahun taksiran 2013. Dalam kes di mana orang itu tidak mempunyai punca perniagaan bagi tahun taksiran 2013, kerugian dan elaun yang tidak dapat diserap akan digunakan terhadap apa-apa punca pendapatan lain orang itu sehingga amaun itu digunakan sepenuhnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Bab ini mula berkuatkuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

38. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang dilesenkan oleh Menteri untuk membayar duti ke atas mana-mana surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dengan cara mesin franking pos atau mesin franking digital perlu menyimpan rekod yang berhubung dengan pengeluaran lesen itu bagi tempoh tujuh tahun bagi maksud pemeriksaan oleh Pemungut.

39. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 378. Dengan pindaan ini, kuasa untuk mengkompaun duti ke atas surat cara yang tertentu diperluas kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.

40. *Fasal 44* bertujuan untuk memperkenal seksyen baru 60A ke dalam Akta 378. Dengan pindaan ini, suatu penalti boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 8 Akta bagi kegagalan untuk memfrang suatu surat cara dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh surat cara itu disempurnakan.

41. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda subbutiran 22(6) Jadual Pertama kepada Akta 378 bagi memperuntukkan bahawa suratcara berkenaan pembelian barang yang boleh dikenakan duti RM10.00 diperluaskan kepada surat cara yang menerima pakai mana-mana prinsip syariah.
42. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua Akta 378 bagi memberi Pendaftar Mahkamah Tinggi kuasa untuk membatalkan Memorandum Jualan bagi memudahkan proses lelongan di Mahkamah Tinggi.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

43. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(h) Akta 543. Dengan pindaan ini, sekiranya pembayar gagal untuk memotong dan meremitkan menurut seksyen 107A, 109, 109B atau 109F Akta Cukai Pendapatan 1967 tetapi telah membuat suatu tuntutan bagi potongan ke atas bayaran yang tertakluk kepada cukai itu dalam suatu penyata, Ketua Pengarah boleh mengenakan suatu penalti di bawah subseksyen 52(2) Akta 543 tanpa mengambil kira bahawa cukai pegangan bersama-sama dengan kenaikan bagi kegagalan itu selanjutnya dibayar kepada Ketua Pengarah. Walau bagaimana pun, perenggan 18(1)(h) tidak terpakai kepada seorang pembayar yang gagal untuk memegang cukai bagi seorang bukan pemastautin di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan sekiranya pendapatan pembayar itu daripada semua sumber dikecualikan sepenuhnya di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 atau subseksyen 65c(1) Akta 543.

Pindaan ini mula berkuatkuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

44. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 543 bagi memperuntukkan bahawa kuasa Ketua Pengarah untuk membuat suatu taksiran atau taksiran tambahan bagi suatu tahun taksiran dikurangkan dari enam tahun kepada lima tahun selepas berakhir tahun taksiran itu melainkan dalam kes fraud, sengaja mungkir atau kecuaian.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

45. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda subseksyen 50(2) Akta 543 bagi memperuntukkan bahawa jangka masa bagi seseorang untuk membuat suatu tuntutan bayaran balik bagi bayaran lebih untuk mana-mana tahun taksiran dikurangkan daripada enam kepada lima tahun selepas berakhir tahun taksiran yang mana tuntutan berkait.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

46. *Fasal 51* bertujuan untuk memperkenal seksyen baru 57A ke dalam Akta 543. Dengan pindaan ini, ia menjadi suatu kesalahan di bawah Akta jika seseorang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk menyimpan rekod seperti dikehendaki di bawah subseksyen 34A(1), (2), (3), (4) dan (5) Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

47. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda subseksyen 66(1) Akta 543 untuk memendekkan tempoh masa bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai itu memohon bagi relif untuk kesalahan atau kesilapan yang berlaku di dalam penyata atau pernyataan bagi suatu tahun taksiran dari enam kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

48. *Fasal 53* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 72A ke dalam Akta 543. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan suatu peruntukan khas berhubung dengan suatu transaksi di antara pihak yang berkaitan khususnya ke atas perkara berkaitan dengan penentuan harga pindahan dan permodalan tipis. Dengan pindaan yang dicadangkan, Ketua Pengarah boleh menggantikan harga dalam transaksi berkaitan jika transaksi itu tidak dibuat secara selenggan. Mengenai permodalan tipis, bahagian faedah yang berkaitan dengan amaun bantuan kewangan yang berlebihan tidak dibenarkan sebagai suatu potongan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

49. *Fasal 54* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 83(1)(ba) Akta 543 bagi memperuntukkan bahawa undang-undang yang mengawal suatu transaksi di antara pihak yang berkaitan ke atas perkara berkaitan dengan penentuan harga pindahan dan permodalan tipis tertakluk kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 83 Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

50. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 169 bagi memasukkan perkongsian liabiliti terhad sebagai orang yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta dan untuk memasukkan ke dalam Akta takrif ‘perkongsian liabiliti terhad’ sebagai suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

51. *Fasal 57* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 13(6) dan (7) ke dalam Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa seorang pelupus yang melupuskan aset yang boleh dikenakan cukai kepada pemeroleh boleh mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu pemberitahuan dalam suatu borang yang ditetapkan jika pelupusan itu tidak tertakluk kepada cukai atau dikecualikan di bawah peruntukan Akta. Pelupus juga mesti menyerahkan pemberitahuan itu kepada pemeroleh dalam tempoh enam puluh hari daripada pelupusan itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

52. *Fasal 58* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 14(5) ke dalam Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa jika pemeroleh gagal untuk memegang dan meremitkan suatu amaun yang dikehendaki di bawah seksyen 21B Akta akibat daripada maklumat yang tidak betul atau salah yang diberikan oleh pelupus, suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada cukai yang kena dibayar akan dikenakan ke atas pelupus.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

53. *Subfasal 59(a)* dan *(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) dan (2) Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan bagi satu tahun taksiran dipendekkan dari enam kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu melainkan dalam kes fraud, sengaja mungkir atau kecuaian.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Subfasal 59(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 15(4) ke dalam Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa tertakluk kepada subseksyen 14(5) Akta, jika seorang pemeroleh gagal untuk memegang dan meremitkan suatu amaun yang dikehendaki di bawah seksyen 21B Akta akibat maklumat yang tidak betul atau salah yang diberikan oleh pelupus, suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh peratus cukai yang kena dibayar akan dikenakan ke atas pelupus itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

54. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 169 bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang untuk memohon suatu relif di atas apa-apa kesalahan atau kesilapan yang dibuat dalam suatu penyata atau pernyataan bagi mana-mana tahun taksiran dari enam kepada lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

55. *Fasal 61* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 21B(5) ke dalam Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa seseorang pemeroleh tidak dikehendaki untuk memegang dan meremitkan suatu amaun kepada Ketua Pengarah jika suatu notis tidak dikenakan cukai di bawah seksyen 13 Akta diserahkan kepada pemeroleh itu dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

56. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(3) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa jangka masa bagi seseorang untuk membuat suatu tuntutan bayaran balik bagi bayaran lebih cukai dikurangkan daripada enam tahun kepada lima tahun selepas berakhir tahun taksiran yang mana tuntutan berkait.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

57. *Fasal 63* bertujuan untuk meminda subperenggan 5(1) Jadual 1 Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa seorang pengarah yang mempunyai lebih daripada lima puluh peratus kawalan ke atas suatu syarikat hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi hutang atau cukai yang genap masa oleh suatu syarikat.

Fasal 63 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 5A ke dalam Jadual 1 Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa seorang pegawai pematuhan yang dilantik di kalangan rakan kongsi bagi suatu perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada pegawai pematuhan dilantik, mana-mana rakan kongsinya, hendaklah secara bersama dan berasingan boleh ditaksir dan dikenakan cukai di bawah Akta.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

58. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual 4 Akta 169. Dengan pindaan yang dicadangkan, seseorang yang melupuskan sebahagian daripada aset yang boleh dikenakan cukai boleh menuntut pengecualian sebanyak sepuluh ribu ringgit atau sepuluh peratus daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan itu, yang mana lebih tinggi, yang boleh dibenarkan di bawah perenggan itu yang dikadarkan kepada bahagian aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan, sebagaimana yang ditentukan mengikut formula yang diperuntukkan di bawah perenggan itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2880]